

ORANG ISLAM YANG TERKEMUKA

Abū al-Hasan al-Ash‘arī dan Alirannya

“Kita bawakan sedikit kupasan yang rumi ini sekadar memperingatkan sahaja, bahawa apa yang dicapai oleh al-Ash‘arī dalam urusan yang tersebut itu, tidak jauh dari apa yang dicapai oleh filsuf Barat yang besar Emmanuel Kant 800 tahun sesudahnya Imam Ash‘arī mengupas masalah “Wujud dan Mawjud” ini yang di dunia Barat dikenal dengan nama *Conception of Existence*”. Kata Tuan Mohammad Natsir. Karangannya ialah sambungan siaran Qalam bilangan 74 yang lalu dan juga menjadi penutupnya- P.Q.

Oleh: Mohammad Natsir

X

Bilā Kayfa- Walā Tashbīh.

Berhubung dengan ayat-ayat *mutashābihāt* yang ada dalam Quran, al-Ash‘arī menerima ayat-ayat itu “*Bilā Kayfa- Walā Tashbīh*”.

“*Bilā kayfa*”, dengan tidak bertanya: “Bagaimana”, dihadapkannya kepada kaum Mu‘tazilah yang mencuba-cuba juga memeriksa bagaimana menyesuaikan sifat-sifat yang tersebut dalam ayat-ayat itu dengan Tuhan.

“*Wala tashbīh*” “dengan tidak menyerupakan” dihadapkannya kepada kaum Mushbihīn dan Mujasimīn pengikut-pengikut Ibnu Kiram yang berlebih-lebihan.

Sebagaimana seringkali berlaku atas tiap-tiap seseorang yang hendak “mendamaikan” dua aliran faham, pun al-Ash‘arī mendapat serangan dari kedua belah pihak. Pengikut-pengikut mazhab yang empat pun pada permulaannya umat curiga terhadap kepada pergerakan “Kaum Muda” ini. Dirikan bahwa Sultan Ṭāghral pembangun kerajaan Bani Saljuk pengikut dari mazhab Hanafi

mengusir semua kaum Ash‘arī dari kerajaannya.

Sedangkan Menterinya Abu Naṣr Maṣṣūr, seseorang Mu‘tazilah pun memburu ulama-ulama yang ber‘itiqād seperti al-Ash‘arī itu. Akan tetapi serangan yang semacam ini tidak begitu lama dan lekas berhenti.

XI

“*Lā ‘Ayn Walā Ghayr*”.

Kaum Mu‘tazilah berkata, sifat tahun tu ialah zatnya juga. Kerana itu menamakan diri mereka “*Ahl al-Tawhīd*”. Kaum “*Ṣifātiyah*” berpendapat bahawa zat lain dan sifat lain. al-Ash‘arī berkata: “Sifat itu tidak sama sekali dalam zat, dan tidak sama sekali di luar zat. Atau, sifat itu di dalam dan di luar zat. Apabila yang kita maksud dengan sifat itu, ialah pengertian sifat itu sendiri, maka iaitu di luar zat ketuhanan. Apabila yang dimaksud dengan sifat itu “pembekasan itu sifat itu”. Maka ia ada pada zat

ketuhanan. Oleh kerana itu- kata al-Ash‘arī - dalam kedua teori ini tidak ada pertentangan.”

Lebih lanjut al-Ash‘arī berkata:

1) Akal kita menggariskan satu batas antara yang dinamakan zat dan yang dinamakan sifat, dan dengan akal kita itu kita tidak dapat fikirkan bahawa batas itu mungkin hilang. Tanda-tanda dan pengertian zat tidak sama dengan tanda-tanda dan pengertian sifat. Oleh kerana akal kita tidak dapat mengira-ngirakan, bahawa zat dan sifat itu bercampur-baur dalam keTuhanan, sehingga kita tidak boleh menentukan mana yang sifat dan yang mana zat. Lagi pula tidak dapat akal kitamemikirkan, apakah Tuhan sendiri yang menjadi sifat-sifat atau apakah, Tuhan itu maha kuasa bukan kerana ia mempunyai sifat maha kuasa. melainkan kerana zatnya sendiri.

2) Apabila kita berkata, bahawa sifat-sifat Tuhan mesra dalam zat ketuhanan, sudah tentu zat ketuhanan itu ialah satu yang mengandungi kombinasi (persatuan P.) dari sifat-sifat yang bertentangan umpamanya Quran berkata: bahawa Tuhan “pengampun” akan tetapi juga “pemberi balasan”. Kalau begitu pada waktu zat ketuhanan itu “pengampun” sudah tentu ia berlainan dengan zat ketuhanan pada waktu ia “pembalas”. Ini berlawanan pula dengan keteranga-keterangan dalam Quran yang begitu jelas dan banyak kali membantah semua anggapan bahawa zat Tuhan itu berbilang. Tiap-tiap anggapan berbilang berhubung dengan zat Tuhan. Dibantah keras oleh Islam.

3) Dan apabila sifat-sifat Tuhan tidak berlainan dengan zatnya, sudah tentu pengertian dari ilmunya misalnya, sama sahaja dengan pengertian diri rahimnya, sebab zat ketuhanan itu satu. Ini tidak diterima oleh akal yang sihat. Sudah terang menurut akal kita, bahawa apa yang dikatakan “ilmu” itu berlainan dengan apa yang dinamakan

“rahīm”. Oleh kerana itu – kata al-Ash‘arī – yang paling aman bagi kita ialah percaya bahawa Tuhan itu satu, merdeka dari berbilang, dan bahawa sifat-sifatnya yang banyak dan bermacam-macam itu bukan tersimpul dalam zat Tuhan. Zat satu dan sifat banyak, akan tetapi yang pertama tidak sama dengan yang kedua. Dengan ini kita terpelihara dari mengatakan Tuhan berbilang.

Tuan-tuan pembaca, yang belum patah selernya untuk mengulangi membaca ketika alasan di atas itu, dipersilakan mengulanginya boleh jadi sesudah mengulangi itu akan terasa puas, atau masih belum “puas”. akan tetapi walaupun bagaimana, yang dimaksud oleh al-Ash‘arī, bukanlah hendak memberi kepuasan. Dia bawa kita menurutkan alim akalinya dari setingkat ke setingkat, melalui jalan yang amat rumit dan sulit, menghampiri batas-batas kemungkinan untuk manusia berfikir, sehingga kita merasa sendiri tempat ini bukanlah gelanggang fikiran manusia, dan setelah kita merasakan itu, ditunjukkannya jalan pulang ke tempat semula, kepada wahyu Ilahi. Mudah-mudahan dengan membawakan satu pengalaman demikian, teranglah bahawa akal manusia itu memang berharga, satu nikmat yang amat mulia, akan tetapi tidak maha berkuasa dan tidak selamanya boleh mencapai apa yang dikehendaki dengan sendirinya. Pengalaman dan pengakuan yang semacam ini amat perlu pendudukan perkara pada tempatnya, pendinginkan hati setengah mereka yang tidak merasa “puas” kalau ditahan berfikir dengan tegas sebagaimana dibiaskan oleh imam Mālik bin Anas bila menjawab pertanyaan muridnya yang bertanya-tanya tentang ayat-ayat *mutashābihāt* seperti dinyatakan dalam huraian yang telah lalu.

XII

al-Ash‘arī dengan Immanuel Kant

Kalau hendak berfalsafah dan berkhayal dalam lingkungan batasnya berfalsafahan itu, al-Ash‘arī tidak enggan

menjalankan falsafahnya untuk penyungsu falsafah ulama lain pada zaman itu. Umpamanya ditentang teori “wujud” atau pengertian tentang yang dinamakan “adanya sesuatu”.

Semua ulama pada zaman itu berpendapat bahawa “wujud” itu, ialah satu “hal” dari salah satu zat. Dan hal ini, tidak perlu kepada sebab. Adapun maksudnya menamakan wujud masih “hal” begitu, ialah kerana ia belum masuk ditingkatkan sesuatu yang “ada sebenar ada” atau *mawjud*”, akan tetapi tidak pula masuk kepada tingkatan “*ma’dum*” -tidak ada.

Kerana itu ia di antara *mawjud* yang sebenar ada, dengan *ma’dum* yang sebenar tidak ada. Sesuatu itu baharu *mawjud* yang sebenar-benar *mawjud*, apabila ada pula “sifat-sifat” yang lain. Al-Hāṣil, wujud itu menurut pendapat ulama-ulama sebelum al-Ash‘arī bukan zat dan bukan sifat, melainkan hal.

Adapun pendapat al-Ash‘arī, wujud itu, ialah “bukan sifat” dan “bukan pula hal” dari sesuatu melainkan “*‘ayn*” dari sesuatu itu sendiri.

Kita bawakan sedikit kupasan yang rumit ini sekadar memperingatkan sahaja, bahawa apa yang dicapai oleh al-Ash‘arī dalam urusan yang tersebut itu, tidak jauh dari apa yang dicapai oleh filsuf Barat yang besar Immanuel Kant (1804-1724), yakni kira-kira 800 tahun sesudahnya imam al-Ash‘arī mengupas masalah “*wujud* dan *mawjud*” ini, yang di dunia Barat dikenal dengan nama Conception of Existence.

Sedikit contoh:

Dari sebuah kitab umpamanya, kita hanya dapat tahu (lihat) kertasnya yang putih, tulisannya yang hitam, bangunannya yang nipis atau tebal, warna kulitnya yang hijau atau kuning dan sebagainya. Ini semua hanya beberapa

bekas dari kitab itu yang kita terima, yang sampai kepada pengertian kita. Akan tetapi, bagaimanakah barang itu pada “sisi barang itu sendiri”, tidak dapat kita ketahui. Menurut istilah al-Ash‘arī, yang demikian itu namanya “*‘ayn*”, menurut terminologi Immanuel Kant: “Das Ding an sich”.

XIII

Masalah Keadilan Tuhan

Kaum Mu’tazilah tidak sahaja menamakan diri mereka “*ahl al-tawhīd*” sebagaimana yang telah kita terangkan di atas, juga sebagai “*ahl al-‘adl*”. Yang mereka maksud ialah, bahawa mereka beriktikad, kepada Allah ialah Tuhan yang seadil-adilnya. Mereka yang bukan masuk golongan Mu’tazilah pun beriktikad begitu juga, akan tetapi ada bezanya.

Kaum Mu’tazilah berkata begini: Menyuruh manusia mengerjakan sesuatu yang tidak terkerjakan olehnya, tidak adil hukumnya. Tuhan bersifat adil. Oleh kerana Tuhan tidak boleh meletakkan kewajipan kepada seseorang hambanya yang si hamba tidak boleh kerjakan. Ini ertinya Tuhan bersifat adil. Akan tetapi yang demikian itu bukan kerana Tuhan tidak boleh melakukan yang demikian itu. Kalau Tuhan kehendaki, boleh! Tetapi Tuhan tidak berlaku begitu, kerana dia bersifat adil. Mazhab al-Ash‘arī membawakan ayat-ayat yang menunjukkan bahawa Tuhan itu tidak terbatas kudratnya seperti (Melayunya):

“Demikianlah Tuhan berbuat apa yang dikehendakinya.” (40, ali-‘Imran).

“Sesungguhnya Tuhan berbuat apa yang ia kehendaki.” 9140, al-Hajj)

Dengan ini nyata, bahawa Tuhan itu berkuasa membuat sesuatu yang ia suka, dengan tidak terbatas.

tidak boleh mengatakan bahawa Tuhan berkuasa sebenar-benar berkuasa, selama kita berkata bahawa Tuhan tidak boleh mengerjakan salah satu perbuatan walaupun Dia mahu mengerjakannya.

Ini kalau kita ambil alasan dari nas agama sendiri. Dalam pada itu tentu mazhab al-Ash‘arī boleh pula berkata terhadap pihak yang sebelah lagi: tuan-tuan berikhtiar untuk mensucikan sifat adil pada sisi Allah. Akan tetapi tuan-tuan disamping itu telah merosakkan kesucian sifat kudrat pada sisi Tuhan. Padahal dengan keterangan tuan-tuan itu, yang tuan-tuan tuju tidak tercapai. Sebab seseorang tidak boleh dinamakan sebenar-benar bersifat adil kalau hanya kerana dia “memang tidak boleh” tidak adil, walaupun dia mahu “keadilan”, yang seperti ini pada hakikatnya keadilan yang “kebetulan” sahaja, yakni kerana lemah semata-mata.

Akan tapi kami beriktikad, bahawa Tuhan itu berkuasa berbuat sekehendak-Nya dengan tidak terbatas, akan tetapi sebagai *Khāliq* yang maha suci, Dia tidak menjerjakan pekerjaan yang tidak adil, akan tetapi sentiasa berlaku adil. Di sinilah terletak kesucian sifat adil itu. Antara lain kaum Ash‘arī membawakan juga beberapa ayat Quran, yang salah satunya (Melayu): “Allah tidak mewajibkan kepada seseorang, melainkan menurut kadar kemampuannya” (al-Baqarah, 284).

Di sini ternyata bahawa “dalam perkerti-Nya” – kalau di sini kita boleh memakai perkataan ini- Tuhan tidak akan meletakkan kewajiban kepada hamba-Nya yang tidak akan terpikul oleh si hamba itu. Di samping itu kita tidak hendak memotong kekuasaan Tuhan, dengan mengatakan bahawa Dia tidak akan boleh melakukan salah satu perbuatan yang kelihatan-Nya tidak adil menurut ukuran akal kita sebagai makhluk.

XIV

Berbuat yang menyalahi akal.

Kaum Mu‘tazilah berkata: Tuhan tidak boleh mengerjakan sesuatu yang tidak terpuja oleh akal - tetapi kaum Ash‘arī beriktikad, bahawa Tuhan berkuasa mengerjakan sesuatu, walaupun tidak sesuai dengan akal manusia. Alasannya hampir serupa dengan alasan berhubung dengan sifat adil tadi.

Ayat-ayat Quran seperti ayat 40 surah *al-‘Imrān*, dan ayat 140 surah *al-Hajj*, yang telah kita ulangkan di atas dan banyak lagi semacam itu, tidak akan memberi “lubang” sedikitpun juga untuk pendirian kita sebagai Muslimin, bahawa Tuhan tidak boleh mengerjakan sesuatu yang menyalahi akal kita. Sebagai Tuhan yang maha mengetahui, Tuhan sekali-kali tidak akan berbuat sesuatu yang bertentangan dengan akal, akan tetapi tidak ada sesuatu pun kekuatan di bumi dan di langit atau di luar itu, juga boleh menghalangi Tuhan, sekiranya Tuhan berkehendak, dan berbuat demikian.

XV

Memberi Pahala

Kaum Mu‘tazilah berpendapat bahawa Tuhan wajib memberi pahala kepada yang berbuat baik dan memberi hukuman kepada seseorang yang bersalah. Kaum Ash‘arī berkata: Urusan pahala dan hukman itu semuanya terserah kepada ke-Rahim-an Tuhan semata-mata.

Betul, sudah tentu bahawa Tuhan akan memberi pahala kepada yang berbuat baik dan hukuman kepada yang berbuat salah, oleh kerana Tuhan “Telah menjanjikan hal yang demikian itu”. Akan tetapi tidak sesuatu juga yang memaksa Tuhan akan berbuat begitu. Apabila kita

berkata bahawa Tuhan mesti berbuat begitu, bererti menurunkan darjat Tuhan yang maha suci kepada darjat-Nya satu misi-Nya yang mesti berjalan dan bekerja sebagaimana yang telah ditentukan lebih dahulu, dengan tidak mempunyai inisiatif sendiri. Berkenaan dengan ini keterangan ayat Quran amat jelas sekali, antara lain (Melayunya):

“Dan tidak ada perubahan perkataan (perjanjian) pada sisi-Ku dan aku tidak berlaku zalim terhadap hamba-Ku.” (28, surah *Qaf*).

Tidak syak lagi, bahawa tiap-tiap perbuatan baik, memberi “hak” kepada yang mengerjakannya akan menerima pahala dari Tuhan, dan begitu juga perbuatan yang salah memberi “hak” pula- kalau boleh dinamakan begitu-, kepada yang bersalah, akan menerima hukuman kelak. Akan tetapi ini sesuatu induk kepada kekuasaan, yang pada sisi: Allāh *Ta’ālā* semata-mata.


Apabila kita mengatakan bahawa Tuhan, “mesti” memberi pahala kepada yang berbuat baik dan “mesti” menghukum orang yang berbuat salah, apakah bezanya Tuhan kalau begitu, dengan seseorang hakim pengadilan yang menjatuhkan hukuman menurut hukum jenayah yang sudah diadakan orang dan “mesti” diturunya dalam hukuman-hukuman yang Dia kan jatuhkan.

Maka kalau sebenarnya kita mengakui ketinggian Tuhan daripada sehalah makhluk, kita harus berani pula meninggikan-Nya hakikat kehakiman-Nya, lebih hulur dari hukum akal kita sendiri

Satu di antara dua: atau kita percaya, bahawa kekuasaan Tuhan itu terbatas dalam lingkungan hal-hal yang dapat difikirkan oleh akal kita, yakni bahawa Tuhan tidak berkuasa melakukan sesuatu yang tidak sesuai dengan akal kita dan tidak layak menurut

pertimbangan kita, atau kita harus percaya bahawa kekuasaan Tuhan itu luas dan tidak terbatas, meliputi semua lapangan yang terupa oleh akal dan yang tak rupa oleh akal, akan tetapi pula, bahawa “dalam perkertinya” (dalam amalannya_P.) Tuhan selamanya memakaikan kekuasaan-Nya menurut yang terupa oleh akal kita.

Antara dua hal ini- kata al-Ash’arī- lebih aman kita mengambil yang nombor dua. Yakni: kekuasaan Tuhan tidak terbatas dan perbuatan Tuhan sentiasa diterima oleh akal.



Agama Islam telah diisytiharkan menjadi agama rasmi negara Tanah Melayu yang akan mencapai kemerdekaannya pada bulan Ogos 1957. Oleh itu jangan berlengah lagi daripada memasuki barisan persahabatan “Ikhwān” yang akan berusaha dengan sedaya-upaya mempertahankan Islam dan kebudayaannya.